

ASEAN akan kemuka pandangan pada Rice

UM-27/7/2006

KUALA LUMPUR 26 Julai
- ASEAN akan mengambil kesempatan daripada kehadiran Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Condoleezza Rice semasa Forum Rantau ASEAN (ARF) yang bermula esok bagi menyampaikan pandangannya berhubung serangan tentera Israel di Genting Gaza dan Lebanon.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Rice akan tiba tengah hari esok untuk menghadiri ARF Ke-13 dan Dialog ASEAN+16 sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39 di sini.

"Kami berharap kehadiran beliau (Rice) akan memberi ruang kepada ASEAN khususnya bagi menyuarakan pandangan ASEAN berhubung

isu-isu tertentu termasuk Isu Asia Barat semasa perbincangan dua hala," katanya.

Setiausaha Negara AS itu tidak hadir sebanyak tiga kali dalam ARF lalu.

Justeru kehadiran Rice kali ini pasti menjadi tumpuan apatah lagi di tengah-tengah kemelut perkembangan terbaru di Asia Barat khususnya krisis Israel-Lebanon.

ARF mula diadakan pada 15 Julai 1994 di Bangkok selaras dengan Deklarasi Sidang Kemuncak ASEAN Keempat pada 1992.

Penglibatan AS dalam forum itu dilihat amat penting memandangkan negara kuasa besar tersebut dijangka mengumumkan dasar-dasar penting mengenai peningkatan hu-

bungannya dengan ASEAN.

Pengumuman tersebut bagaimanapun dilihat sebagai reaksi dan minat negara itu terhadap perkembangan geopolitik di Asia khususnya Asia Tenggara.

Dalam Dialog ASEAN-AS, kedua-dua pihak dijangka menandatangani dokumen rangka kerja pelan tindakan untuk melaksanakan usaha meningkatkan kerjasama kedua-dua negara.

Rice juga dijangka akan menghadiri jamuan malam esok yang dijadual diadakan di Hotel Shangri-la.

Syed Hamid dan Rice dijadual mengadakan sidang akhbar bersama Jumaat ini selepas mesyuarat dua hala ASEAN-Amerika.